

MAHATHIR-PENGEARANG

(I)

DARI MERVIN NAMBIAR

1982

BANGKOK, 8 DIS. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD IALAH SEORANG KAWAN SETIA DAN PRAGMATIS DAN NEGERI THAI BOLEH MENGHARAPKAN HUBUNGAN PERBAHABATAN DAN KERJASAMA PENUH DARINYA, MENURUT AKHBAR HARIAN BERBAHASA INGGERIS DI SINI, THE BANGKOK POST, HARI INI.

DALAM TULISAN LIDAH PENGEARANG YANG PANJANG LEBAR, AKHBAR ITU MENSIFATKAN PERDANA MENTERI MALAYSIA, YANG TIBA DI SINI TENGAHARI INI UNTUK LAWATAN RASMI DUA HARI, SEBAGAI SALAH SEORANG RAKAN NEGERI THAI YANG PALING RAPAT YANG TELAH MEMPESONAKAN PARA PEMERHATI DENGAN PERJUANGAN POLITIKNYA DAN KEMUNCULAN SEMULA BELIAU DI ARENA ITU.

AKHBAR ITU BERKATA JIKA SALAHFAHAM-SALAHFAHAM YANG DITIMBULKAN OLEH PARA PEMBERITA YANG TERLALU GHAIRAH DAN SUMBER-SUMBER YANG TIDAK BEGITU TAHU DIHAPUSKAN, SESEORANG ITU AKAN MENDAPATI DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI SEORANG +PEMIMPIN YANG BERKERJA KERAS DAN JUJUR, SESUATU YANG PALING SUKAR DIDAPATI DALAM DUNIA POLITIK YANG GANAS ITU+.

AKHBAR ITU MENAMBAH MALANG SEKALI ORANG-ORANG ASING YANG JAHIL TELAH MENSIFATKAN PEMIMPIN MALAYSIA ITU DAN BUKU +THE MALAY DILEMMA+ YANG DITULISNYA PADA TAHUN 1970, SEBAGAI SEORANG PELAMPAU PERKAUMAN.--LAGI 1600/HM

ZCZC B594

MAHATHIR-PENGEARANG 2 BANGKOK

+SETELAH DIAMATI, BAGAIMANAPUN, SESEORANG ITU AKAN MENDAPATI BAHAWA PENGEARANG ITU LEBIH MENKRITIK ORANG MELAYU SENDIRI DARIPADA KUMPULAN-KUMPULAN MINORITI YANG LEBIH BERNASIB BAIK DARI SEGI EKONOMI+.

AKHBAR ITU MENAMBAH SEBAGAI SEORANG PRAGMATIS YANG BERANI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERSEDIA BERKERJASAMA DENGAN PIHAK PEMBANGKANG TERMASUK PAS, WALAUPUN BELIAU TIDAK SETUJU DENGAN PANDANGAN PARTI ITU DAN PERGANTUNGANNYA KEPADA SENTIMEN KEAGAMAAN UNTUK MENDAPAT SOKONGAN.

HARIAN ITU JUGA MENGECEM MEREKA YANG TELAH MENKRITIK DASAR MALAYSIA TERHADAP ORANG PELARIAN.

THE BANGKOK POST BERKATA TAHUN LALU MALAYSIA TELAH MENYEDIAKAN PERLINDUNGAN SEMENTARA KEPADA 159,629 ORANG PELARIAN MANAKALA ANGA-ANGKA YANG DIKELUARKAN OLEH AGENSI-AGENSI ORANG PELARIAN MENUNJUKKAN BAHAWA BULAN LALU MALAYSIA MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA ORANG PELARIAN YANG KEDUA BESARNYA.

+ANGKA-ANGKA INI SUDAH CUKUP SEBAGAI BUKTI,+ TEGAS HARIAN ITU LAGI.--BERNAMA 1608/HM

MAHATHIR-PENGEARANG 3 BANGKOK

AKHBAR HARIAN ITU MENAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH SECARA PERIBADI MENGULANGI PENDIRIAN MALAYSIA UNTUK MEMERANSI PEMBERONTAKAN DAN PENGGANASAN DI SEPANJANG SEMPADAN BERSAMA KEDUA-DUA NEGARA SELEPAS PARA PEGAWAI KANAN THAI BERKATA MEREKA TIDAK PUAS HATI DENGAN HASIL MESYUARAT JAWATANKUASA AM SEMPADAN BARU-BARU INI.

THE BANGKOK POST MENGAMBIL MAKLUM BAHAWA PERDANA MENTERI JEN. TAN SRI PREM TINSULANONDA TELAH MENYOKONG KUAT JAMINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MELALUI MENTERI LUAR SIDDHI SIDDHI SAVETSILA.

--BERNAMA 1612/HM